

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang meningkatkan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa mengenai kesan penderaan emosi dan pengabaian terhadap anak-anak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** telah melaksanakan program *Smart Parenting* kepada ibu bapa dan masyarakat setempat dalam menangani keselamatan anak. Melalui **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** yang diperkenalkan pada tahun 2017, sehingga kini seramai 400 orang fasilitator telah dilatih yang terdiri daripada pelbagai agensi dan NGO. Dari tahun 2017 hingga September 2019, sebanyak 230 program telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 7,910 peserta daripada ibu bapa di peringkat komuniti telah mendapat manfaat.

Selain daripada program PEKA, **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** turut melaksanakan kempen keselamatan kanak-kanak di sekolah dikenali sebagai **Sahabat B.I.J.A.K. : SAFE AND PROTECT**. Kempen ini telah dilancarkan pada Oktober 2014 yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

Sehingga Julai 2019, seramai 76,229 orang kanak-kanak dan 337 buah sekolah telah mendapat manfaat dari kempen yang dijalankan. Kementerian amat menggalakkan penglibatan Yang Berhormat untuk melaksanakan program seumpama ini di kawasan masing-masing.

Kementerian telah menganjurkan satu Taklimat Modul Cakna Diri Lelaki kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada 5 November 2019 bertempat di Parlimen Malaysia. Menerusi taklimat tersebut, Ahli-Ahli Yang Berhormat disarankan bekerjasama dengan LPPKN untuk melaksanakan program ini di kawasan masing-masing.

LPPKN turut membangunkan kursus-kursus seperti *Keluarga@Kerja (Parenting@Work)* sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa menyiapkan diri serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ke

## SOALAN NO. : 10

arah melahirkan keluarga yang berilmu. LPPKN juga turut menyediakan perkhidmatan sokongan emosi kepada keluarga dan anak-anak melalui perkhidmatan kaunseling di Pejabat LPPKN Negeri.

LPPKN turut melaksanakan Program Terapi Minda kepada masyarakat di seluruh negara. Program ini membantu peserta mengurus stres demi kesejahteraan diri serta memantapkan personaliti dalam pengurusan emosi. Program ini memberi penekanan kepada keseimbangan antara kognitif, fizikal dan emosi menggunakan kaedah terapi. Bermula tahun 2013 sehingga September 2019 sebanyak 260 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 8,647 peserta di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memanfaatkan 28.7 juta pengguna Internet di Malaysia, fokus Kementerian akan beralih kepada bentuk digital dan *online* untuk *reach out* (dengan izin) masyarakat dan golongan sasaran kita pada hari ini. Sebagai contoh perkhidmatan KafeTEEN kepada remaja yang sebelum ini dalam bentuk fizikal telah ditambah baik menjadi digital dalam bentuk *online* yang dinamakan KafeTEEN *Mobile App* dan semenjak November 2018 dilancarkan ia telah memberi manfaat kepada seramai 3,440 pengguna *online* yang menggunakannya. Menyedari penggunaan sistem *online* tinggi di kalangan rakyat Malaysia, bermula tahun 2020 LPPKN akan membangunkan lebih banyak kursus seperti pra perkahwinan *Smart Start* dan kursus keibubapaan secara *online*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kali terakhir Kementerian Pendidikan menjalankan kajian berkenaan kepuasan dan kegembiraan guru-guru dalam menjalankan tugas dan sekiranya ada apakah dapatan kajian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan cakna isu kebajikan dan kegembiraan guru-guru. Saya sendiri telah menekankan kepentingan isu ini sejak hari pertama berada di kementerian dan sentiasa komited untuk memastikan ianya berjaya. Izinkan saya untuk mengulang semula penegasan yang pernah saya berikan semasa kali pertama menjawab di Dewan Rakyat pada 18 Julai 2018:

“Kementerian Pendidikan pada era ini, sepertimana yang termaktub dalam Manifesto Pakatan Harapan mempunyai hala tuju yang jelas iaitu untuk memastikan sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan rakyat. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan akan menerapkan tiga (3) nilai utama dalam budaya pengajaran dan pembelajaran iaitu: kegembiraan, kasih sayang, dan saling hormat menghormati. Murid-murid harus berasa gembira untuk hadir ke sekolah dan guru-guru mesti turut berasa berbangga kerana berpeluang mendidik anak-anak bangsa.”

Perkara ini juga turut dimasukkan dalam dalam Amanat Menteri Pendidikan Tahun 2019 yang telah disampaikan kepada semua pengarah Jabatan Pendidikan Negeri pada awal Januari tahun 2019.

Antara inisiatif awal dalam mengembalikan elemen kegembiraan dalam kalangan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai pendekatan secara holistik dalam usaha mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengurangkan beban tugas guru dalam melakukan kerja-kerja perkeranian supaya tidak mengganggu tugas hakiki mereka di sekolah. Secara keseluruhannya, beban tugas guru dalam kerja perkeranian dan teknikal ICT adalah bergantung kepada jenis tugas khas yang dipegang oleh guru. Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani beban tugas guru ialah:

## NO. SOALAN : 11

1. Melaksanakan kerangka baharu norma perjawatan kumpulan pelaksana di sekolah yang responsif terhadap keperluan pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan kewangan, stor, dan aset sekolah.
2. Memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling serta surat siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
3. Mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan dengan pemerkasaan pengintegrasian data melalui inisiatif *single-sign-on* (SSO).

Dalam konteks kesejahteraan psikologi para guru, KPM melalui Kajian Kesejahteraan Psikologi dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling dalam kalangan guru pada April 2019 mendapati wujudnya keperluan untuk isu kesejahteraan psikologi guru diberi perhatian khusus dan sewajarnya. KPM misalnya telah mula menganjurkan Program Meningkatkan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3A iaitu Sedar (*Aware*), Peka (*Alert*), dan Tindakan (*Action*) untuk warga guru bermula pada Julai 2019 sebagai salah satu inisiatif dalam pelan kesejahteraan psikologi guru-guru di KPM. Selain itu, Kementerian juga menjalankan program atau aktiviti 3Pi (Program Pembangunan, Pencegahan dan Pemulihan serta Intervensi) melibatkan seramai 17,346 orang sejak Januari sehingga September 2019.

Contoh-contoh inisiatif yang telah disebutkan ini hanyalah singkapan usaha-usaha serius pihak Kementerian dalam memastikan guru-guru kembali gembira untuk mengajar di sekolah. Kementerian di masa hadapan akan menjalankan kajian berkenaan kepuasan dan kegembiraan guru-guru dalam menjalankan tugas bagi menilai keberkesanan usaha-usaha yang telah kita jalankan.

Sekian, terima kasih.